

GENERASI MUDA DAN PERUBAHAN

Fathi Yakan

Perubahan merupakan cogankata yang kerap dikemukakan pada masa mutakhir ini oleh pihak-pihak yang menggelarkan diri mereka sebagai Aliran Revolusi. Marxisme adalah merupakan aliran yang paling menonjol sekali mempercayai bahawa perubahan itu mesti berlaku secara kekerasan. Marx secara terang-terangan telah mengemukakan pandangannya terhadap cara (uslub) yang seharusnya diambil oleh gerakan Komunis dalam melakukan perubahan sosial dan mengubah Kapitalisme. Katanya: "Tidak ada jalan bagi menggantikan Kapitalisme dengan Sosialisme kecuali dengan revolusi."

Pemuda dalam hubungan ini adalah medan yang subur untuk digunakan oleh semua aliran yang mempercayai Strategi Perubahan ini. Revolusi dan Coup-de-tat yang telah berlaku dan akan berlaku di seluruh dunia akan meletakkan asasnya kepada pemuda-pemuda dalam usaha mencapai tujuan mereka itu.

Bagaimana pula sikap Islam dalam hubungan menggunakan golongan pemuda ini? Apakah peranan pemuda dalam perubahan Islam yang dicita-citakan? Apakah ciri-ciri Perubahan Islam itu? Kesemuanya ini akan cuba dibincangkan dan diperkatakan dalam kajian kita ini (Generasi muda dan Perubahan).

Kenapa mesti Pemuda?

Kenapa fokus selalunya kepada pemuda?

Kenapa pergantungan sentiasa kepada pemuda?

Pada logik Islam, apabila kita bergantung kepada pemuda, bukanlah bermakna kita melupakan peranan orang-orang dewasa dan juga orang tua, atau memperkecil-kecilkan kedudukan mereka seperti fahaman Korainisme di mana seorang pemimpin mereka selepas revolusi telah menuntut supaya dihapuskan kesemua orang-orang tua supaya tidak menjadi beban kepada negara.

Menurut Islam setiap manusia ada peranannya. Setiap peranan harus diberikan haknya, tanpa ada rasa sensitif, tanpa ada pertentangan. Mengikut asas-asas dan kaedah-kaedah berikut:

- 1) Dirahmati Allah seorang yang mengenal batas dirinya dan dia melakukan apa yang sepatut dilakukannya.
- 2) Bukan dari kalangan kita mereka yang tidak menghormati orang tua dan tidak mengasihani anak-anak kecil.
- 3) Kebenaran itu diterima walaupun datangnya dari seorang anak kecil atau orang tua walaupun ianya kerabat jauh yang tidak disukai, sementara kebatilan itu ditolak walaupun datang dari anak kecil atau orang tua yang dekat lagi dikasih.

Apabila skop tugas-tugas perubahan difokuskan kepada pemuda-pemuda maka ia adalah sesuai dan selaras dengan kemampuan dan tugas mereka. Manusia dalam setiap peringkat usianya dalam kehidupan mempunyai kebolehan-kebolehan dan kemampuan-kemampuan yang sesuai dengan tugas—tugas yang tertentu. Kadang-kadang mungkin tidak sesuai dengan semua tugas. Tugas pada masa usia kanak-kanak lain daripada tugas waktu usia muda pemuda, dan seterusnya lain pula dengan tugas dalam waktu usia dewasa dan hari-hari tua.

Allah swt. berfirman:

يُرْدُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لَكَ لَا يَعْلَمُ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ

16:70. ..dikembalikan kepada umur yang paling lemah (pikun), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang pernah diketahuinya. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Kuasa.

Kenapa pemuda menjadi objek di sini?

Pada hakikatnya usia muda seorang pemuda ialah usia yang penuh dengan cita-cita yang tinggi dan darah yang gemuruh serta idealisme yang luas. Iaitu usia yang memberi pengorbanan dan menebus semula. Usia yang menabur jasa, memberi kesan dan emosional.

Dari sini usia muda pemuda dalam perkiraan Islam mempunyai tanggungjawab dan nilai yang khusus dan kerana itu Rasulullah saw menekankan supaya pemuda-pemuda merasai demikian melalui sabdanya:

(اغتَمْ خَمْسَا قَبْلَ حِمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هُرْمَكَ،
وَصَحْنَتَكَ قَبْلَ سَقْمَكَ، وَغَنَّاكَ قَبْلَ فَقْرَكَ،
وَحَيَاكَ قَبْلَ مَوْتَكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شَغْلَكَ).

'Ambillah peluang lima perkara sebelum datangnya lima perkara:- Usia muda kamu sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, harta kekayaan kamu sebelum papa, masa hidup kamu sebelum mati, dan masa kosong kamu sebelum sibuk.'

Umat manusia, dalam tabiat kejadian dan pembentukannya mempunyai masa terhad dalam usia yang mampu memberi sesuatu. Kemudian ia mula surut kebelakang (susut). Firman Allah swt:

وَتَلَّكَ الْأَيَّامُ نُدَأْوُهَا بَيْنَ النَّاسِ

3:140. Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu kami pergilirkan diantara manusia.

Dan benarlah sabda Rasulullah:

(إِنَّ لِكُلِّ عَامِلٍ شَرَةً، وَلِكُلِّ شَرَةٍ فَتْرَةً، فَمَنْ
كَانَ فَتْرَتَهُ إِلَى سَنْتِي فَقَدْ اهْتَدَى، وَمَنْ كَانَ
فَتْرَتَهُ إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَقَدْ هَلَكَ).

'Bahawa setiap amalan itu ada puncak kesungguhan-nya, setiap puncak kesungguhan itu ada surutnya. Maka sesiapa yang surutnya adalah pada sunnahku, maka di telah mendapat petunjuk, dan sesiapa yang surut kepada yang lain, bererti telah binasalah dia.'

Dari sini penekanan adalah untuk mendapatkan faedah dari usia muda dan dari para pemuda dalam menunaikan tugas berat dan melintasi halangan-halangan serta menyahut cabaran yang diperlukan dan dituntut oleh perubahan tamaddun.

Kenapa Pemuda Islam?

Islam, apabila ia menekankan supaya para pemuda melaksanakan matlamatnya yang menginginkan perubahan, bererti bukanlah diserahkan tugas itu kepada mana-mana generasi sahaja yang tidak mempunyai ciri-ciri tertentu, tetapi terlebih dahulu dimestikan atau dituntut supaya generasi itu mempunyai sifat-sifat Islam dan berpegang teguh dengan prinsip-prinsip Islam iaitu berkehendakkan generasi Islam yang tulen.

Para pemuda yang bersifat Islam adalah suatu hal, dan para pemuda tanpa Islam adalah suatu hal yang lain dan tidak ada apa-apa selain dari itu. Para pemuda dengan Islam bererti pemberi, iaitu kebaikan dan pembinaan dan yang tanpa Islam ialah celaka dan bala'!

Pemuda ialah suatu tenaga yang digunakan oleh Islam untuk membangunkan dan memakmurkan alam tetapi orang lain mempergunakan mereka untuk meruntuhkan umat manusia.

Sesungguhnya masyarakat manusia hari ini penuh sesak dengan pemuda-pemuda tetapi pemuda-pemuda ini hanyalah yang kosong, hanyut dan terbiar;

Pemuda yang tiada peribadi,bersikap seperti kera;

Pemuda yang tiada mempunyai akhlak, yang lebih dekat dengan binatang ;

Pemuda yang dijadikan tentera oleh kuasa-kuasa jahat dan zalim, disusun oleh parti-parti kufur dan syaitan;

Pemuda pondan yang tiada kebaikan pada mereka;

Tetapi keberkatan datang bersama pemuda yang tinggi cita-citanya.

Kenapa Perlunya Persiapan Pemuda Islam?

Ada beberapa gambaran yang berbeza di sekitar tugas seorang pemuda Islam dan matlamat dari persiapan mereka itu. Apakah matlamat utama dari persediaan pemuda Islam ini?

Adakah matlamatnya sekadar memelihara dirinya daripada kecundang oleh hawa nafsu dan dorongan-dorongan fitnah, atau setakat supaya dia menunaikan fardhu-fardhu wajib yang ditaklif oleh Allah dan meninggalkan segala larangan Allah? Adakah itu sudah mencukupi?

Atau adakah matlamatnya untuk membekalkan mereka dengan pengetahuan Islam yang cukup yang membolehkan mereka menulis dan bercakap sahaja?

Dan adakah matlamat persiapan seorang pemuda Islam bagi untuk menjalankan amal-amal kebajikan, memberikan makan kepada orang miskin, merawat orang sakit dan bersympati dengan mereka yang menderita sahaja?

Atau adakah sekadar mempersiapkan pemuda Islam supaya boleh menjalankan dakwah Islamiah sekadar melepaskan batuk di tangga?

Atau menjadikan mereka itu berada dalam suatu suasana organisasi pemuda Islam dan cukup setakat itu tanpa mengira samada dia menjadi da'i atau pembimbing semata-mata?

Pada hakikatnya kita tidak bebas untuk memilih matlamat-matlamat yang di gariskan itu, pada masa dunia Islam berada di bawah pemerintahan sistem 'Taghut', dan Islam berada jauh dari memegang teraju pimpinan.

Sebenarnya, matlamat utama persiapan pemuda-pemuda Islam hari ini ialah untuk melaksanakan matlamat tercapainya 'Qawamah' (penguasaan) Islam terhadap masyarakat dan dunia. Ini memerlukan tugas para pemuda Islam bagi memindahkan pimpinan umat dari tangan jahiliah ke tangan Islam. Dan juga pemikiran, perundungan dan akhlak jahiliah kepada pemikiran, perundungan dan akhlak Islam.

Amal seperti itu dan apa yang diperlukan olehnya, apa yang berhubung dengannya dan apa yang bercabang darinya atau apa yang dituntut olehnya dan juga tujuan terbesar dari persiapan seorang pemuda Islam tadi; perkara-perkara ini hendaklah dianggap penting oleh para pemuda Islam. Ini adalah wajib dari segi syara' dan ianya itu tidak akan gugur dari menjadi tanggungjawab mereka sehinggalah Kalimah Allah lebih tinggi, mengatasi kalimah-kalimah orang kafir.

Tujuan 'manhaj' (method) Islam ialah untuk mengembalikan 'ubudiyah' manusia kepada Allah dalam segala urusan hidup mereka. Dalam bidang akhlak dan urusan hidup, dalam bidang undang-undang dan pemikiran mereka. Ini bererti meruntuhkan asas-asas dan pusat-pusat yang menjadi tempat tegak dan berdirinya masyarakat jahiliah dan tamaddun materialisme. Di tempatnya pula ditanam asas-asas supaya tertegaknya sistem Islam.

Ini bermakna bahwa tugas dan peranan pemuda Islam ialah melakukan "Perubahan" dan bukannya menempel atau memperbaiki, dan inilah yang sewajibnya berlaku.

Tugas ini pada hakikatnya adalah tugas yang berat dan sukar tetapi ianya adalah tugas yang dituntut; dan tugas selain dari ini tidak mempunyai nilai. Malah tugas yang lain ini akan mem-bawa bencana yang akan menangguhkan kemahuan para pemuda kepada perubahan, malah akan membawa kepada perjalanan seiring dengan realiti jahiliah yang ada dan cuba hidup bersamanya.

Islam manhaj Perubahan.

Satu daripada ciri-ciri Islam ialah ianya bersifat "merubah." la menolak cara menempel atau memperbaiki. Ia tidak rela dengan penyelesaian separuh-separuh atau sesuku-sesuku, atau ia tidak ingin mengharuskan hidup bersama jahiliah.

Firman Allah swt:

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الَّذِينَ لَهُ

2:193. Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu Hanya semata-mata untuk Allah.

Manhaj Rasul adalah Perubahan.

Manhaj Rasulullah saw. dalam menghadapi jahiliah adalah bersifat 'taghyir' (merubah). Tatkala orang-orang Quraisy menemuinya untuk berkompromi supaya Rasulullah menyembah tuhan mereka selama sebulan dan sebagai balasan mereka akan menyembah tuhan Muhammad pula selama sebulan yang lain, Al-Quran secara tegas menurunkan ayat:

عَابِدُ أَنَا وَلَا ﴿ۚ﴾ أَعْبُدُ مَا عَبَدُونَ أَنْتُمْ وَلَا ﴿ۚ﴾ تَعْبُدُونَ مَا أَعْبُدُ لَا ﴿ۚ﴾ الْكَافِرُونَ يَنَّا هُمْ قُلْ
دِينِ وَلِيَ دِينُكُمْ لَكُمْ ﴿ۚ﴾ أَعْبُدُ مَا عَبَدُونَ أَنْتُمْ وَلَا ﴿ۚ﴾ عَبَدْتُمْ مَا

109:1-6. Katakanlah: "Hai orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang Aku sembah. Dan Aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang Aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukkulah, agamaku."

فَلِلَّهِ الْكَفَادُ وَأَسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ إِنَّمَاتُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ
وَأُمِرْتُ لَا عَدِلَ بَيْنَكُمُ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَئَنَّا أَعْمَلْنَا وَلَكُمْ أَعْمَلْكُمْ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ اللَّهُ
سَجَمْ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿ۖ﴾

42:15. Maka Karena itu Serulah (mereka kepada agama ini) dan tetaplah sebagai mana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka dan Katakanlah: "Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan Aku diperintahkan supaya berlaku adil diantara kamu. Allah-lah Tuhan kami dan Tuhan kamu. bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu amal-amal kamu. tidak ada pertengkaran antara kami dan kamu, Allah mengumpulkan antara kita dan kepada-Nyalah kembali (kita)".

Kedudukan Umat Islam Mewajibkan Perubahan.

Perubahan wajib sebagai suatu kemestian yang "dharuri" dilakukan oleh para pemuda Islam bagi menghadapi cabaran zaman, bagi menghadapi gelombang materialisme dan atheisme yang mengancam kewujudan Islam.

Pandangan yang mendalam tentang kedudukan Umat Islam di setiap tempat mengukuhkan lagi keperluan mempersiapkan pemuda Islam dengan persiapan yang mencukupi syarat untuk menunaikan tugas perubahan Islam yang dicita-citakan, malah ia menjadi suatu tanggungjawab agama yang tidak seharusnya diabaikan atau dipermudah-mudahkan.

Falsafah Perubahan Islam.

Perubahan Islam yang dicita-citakan itu bukanlah satu falsafah yang berbelit-belit sebagaimana yang difahami oleh setengah orang. Ia merupakan falsafah perubahan dalam Islam. Secara ringkas falsafah ini terungkap dalam kata-kata Rubi'e bin 'Amir kepada Rustam, ketua angkatan bersenjata Parsi, apabila ditanya sebab kemaraan orang-orang Islam:

"Allah mendatangkan kami bagi mengeluarkan hamba-hamba (manusia-manusia) dari menjadi hamba kepada hamba (manusia) supaya menjadi hamba kepada Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa. Dari kesempitan dunia kepada dunia yang lebih luas. Dari kezaliman beragama kepada keadilan Islam. Maka kami diutus dengan agama Allah kepada mahluk Nya untuk menyeru mereka kepada Allah. Maka barangsiapa yang menerima, kami menerima mereka dan tinggalkan mereka di tanahair mereka dan sesiapa yang enggan kami perangi sehingga kamu menyahut seruan Allah yang dijanjikan."

Ciri-ciri Perubahan Islam

Perubahan Islam mempunyai ciri-ciri aqidah dan akhlak yang berbeza dari aliran-aliran perubahan lain di dunia. Tidak pernah mereka yang telah menghirup dan mengecapi Islam, kemudian enggan dan menolaknya, kerana Islam mempunyai keunggulannya yang tersendiri dalam konsep pemikiran, 'manhaj' haraki dan 'uslub' perubahan. Antara ciri-cirinya:

A) Perubahan Menyeluruh

Perubahan Islam bukan setakat perubahan suatu sudut dari sudut-sudut kehidupan manusia, baik di segi sosial, ekonomi, politik atau aqidah, tetapi dari segi tabiatnya. Islam itu adalah merupakan manhaj yang menyeluruh (kulli dan syamil). Ini menjadikan 'perubahan Islam' itu unik dari segi manhaj dan uslub (method and cara). Oleh kerana itu perubahan Islam tidak mungkin tercapai dengan cara rekaan semata-mata, apalagi secara 'irtijali' yakni tanpa program, dan tidak juga dengan cara ketenteraan untuk mendapatkan kuasa secepat kilat. Sebaliknya, perubahan Islam itu mestilah dengan mempersiapkan faktor-faktor dan sendi-sendii yang membolehkan terbangunnya masyarakat di atas asas-asas itu.

B) Perubahan aqidah (ideological)

Aqidah Islamiah menentukan tabiat dan manhaj perubahan. Maka garis yang membataskan polisi perubahan itu berkisar dan berpusat kepada dua tonggak asasi:-

- 1) Betul tujuan/matlamat yang ingin dicapainya; betul dalam method atau manhaj

perubahannya. Inilah yang menjadikannya menolak nilai/kriteria perubahan secara parti, politik dan ketenteraan.

2) Betul wasilah dan terjamin tepatnya dari segi syara' serta bersesuaian dengan ruh Islam, sebagaimana terpeliharanya juga perubahan Islam itu dari melanggar kaedah-kaedah syara'.

Islam melihat perubahan itu bukan sahaja dari segi tujuan tetapi juga dari segi wasilah (jalan) bagi menegakkan perintah Allah dan melaksanakan hukumanNya. Apabila perubahan itu tidak mencapai tujuan, ianya boleh membawa akibat buruk kepada Islam itu sendiri.

C) Perubahan Berperikemanusiaan

Ertinya, ia tidak akan menuju kepada kebaikan dengan melalui jalan keburukan, dan menghirup kehinaan untuk sampai ke mercu kebahagiaan. Atau ia tidak membina bangunan di atas tengkorak dan darah.

Walaupun Tacashoft, seorang pemimpin agung Komunis telah memberikan amaran untuk menghapuskan semua orang-orang Rusia yang melewati usia dua puluh lima tahun kerana mereka tidak mahu mewakili pemikiran Marx, namun Islam menunjukkan sifat-sifat rahmat dan berperikemanusiaan dalam banyak peristiwa dan kejadian.

Pada hari pembukaan Mekah, Abu Bakar As-Siddiq ra. telah menemui bapanya yang mana pada masa itu masih lagi seorang musyrik dan dibawanya kepada Rasulullah saw. Tatkala Rasulullah saw melihat, beliau lalu berkata kepada Abu Bakar, "Kenapa tidak orang tua ini sahaja yang di rumahnya dan aku sendiri datang menemuinya." Berkata Abu Bakar: "Wahai Rasulullah, dia lebih patut menemui engkau dari engkau menemuinya." Maka Rasulullah pun duduk di hadapannya dan menyapu ke atas dadanya lalu berkata, Islamlah anda, maka beliau pun memeluk agama Islam.

Di sini jelas bahawa perubahan Islam itu ada mempunyai ciri-ciri berperikemanusiaan; tabiatnya berakhlik dan akidah Islamiah ialah wasilah serta matlamatnya.

Perubahan dalam kefahaman aliran-aliran lain

Kalau demikian kefahaman perubahan cara Islam, bagaimana pula 'mafhum' perubahan aliran-aliran lain?

A) Dalam fahaman Komunis

Dalam fahaman Komunis, perubahan itu bertolak daripada hasad dengki golongan pekerja buruh dan proletariat (golongan kelas bawah). Ia merupakan hembusan semangat dendam antara kelas-kelas di dalam masyarakat. Inilah apa yang diucapkan oleh Marx kepada golongan pekerja buruh, "Akan datang kepada kamu lima belas atau dua puluh atau lima puluh perang saudara di antara bangsa-bangsa untuk kamu menjadi golongan berkuasa dalam bidang politik."

Telah berkata Babun: "Sembelihkanlah golongan berkuasa dan elite serta jutawan." Berkata pula Bordon: "Dunia mesti mengetahui bahawa tidak ada jalan lain bagi melawan golongan aristokrat (atasan) selain daripada menghapuskan mereka."

Puak Komunis, dalam kefahaman mereka tentang Perubahan akan menggunakan

segala cara dan jalan (wasilah) yang menyeleweng semata-mata untuk tercapainya sebuah masyarakat Komunis. Lenin pernah berkata, "Semestinya bagi para pejuang Komunis boleh menggunakan semua cara penipuan, tipu-helah dan penyesatan. Perjuangan demi untuk Komunisme boleh dengan apa cara sekalipun asalkan dapat menyebabkan tercapainya Komunisme. Mesti difahami bahwa Komunisme adalah suatu tujuan tertinggi dan dalam usaha mencapai tujuan tertinggi ini kadang-kala dituntut menggunakan jalan-jalan yang tidak suci. Oleh itu Kominisme memberkati semua cara yang bertentangan dengan akhlak selama cara itu menolong dan membantu tercapainya matlamat kita iaitu Komunisme."

B)Dalam fahaman Revolusi Perancis

Revolusi Perancis yang bertujuan menentang kezaliman sosial dan penguasaan politik diktator juga telah mengikuti jalan dan wasilah yang tidak mulia serta menyalahi slogan dan prinsip yang dilaungkannya.

Kata Mare,"Apakah kezaliman ini? Siapakah yang tidak sanggup menyaksikan aku memotong kepala-kepala demi melepaskan manusia ramai?" Luther pula, yang menggesa untuk memadamkan revolusi berkata, "Siapa yang mampu hendaklah membunuh, mencekik, dan menyembelih dengan secara rahsia atau secara terang-terangan. Oleh itu, bunuhlah, cekiklah dan sembelihlah siapa saja dari para petani yang memberontak."

C)Dalam Protokol Zionis Yahudi

Kefahaman Perubahan dalam Zionisme pula ialah mengharuskan segala perbuatan kejam dan tindakan merosakkan demi membangunkan Kerajaan Yahuza.

Dalam Protokol (Zionis) Pertama, "Politik tidak sedikitpun bersesuaian dengan akhlak, dan pemerintah yang terikat dengan akhlak bukanlah politikus yang baik. Tujuan menghalalkan cara. Maka kita hendaklah meletakkan perencanaan kita tanpa menoleh apakah ia baik atau berakhhlak, apa yang penting ialah sejauh mana kepentingan dan faedahnya."

Dalam Protokol Ketiga, "Kita perlu memerintah beberapa puak dengan mengeksploritasikan perasaan hasad dengan menyalakan permusuhan mereka dengan kesempitan hidup dan kemiskinan. Perasaan ini ialah wasilah kita yang membolehkan kita menyapu (menghapuskan) setiap mereka yang menyekat tujuan kita."

D)Dalam dunia Arab

Negara-negara Arab di dalam empat kurun lepas telah memperlihatkan usaha-usaha dan gerakan-gerakan perubahan, paling tidak ianya tidak berasaskan aqidah, tidak berasaskan akhlak dan tidak juga berperikemanusiaan.

Usaha-usaha dan gerakan itu lebih bersifat kepada Patriotisme, Nasionalisme, Kepuakan, Sosialisme, Komunisme dan lain-lain yang dahagakan darah dengan pembunuhan atau mencabul kehormatan, dengan mencincang mayat dan segala bentuk balas dendam.

Aliran-aliran ini ialah aliran perubahan yang telah menyimpang dan menyeleweng. Ianya berkisar pada pembunuhan beramai-ramai yang menggerunkan, sedangkan umat dan dunia memerlukan kepada suatu manhaj perubahan yang menjamin kemantapan dan kestabilan, manhaj yang menghilangkan kepulan asap kecelakaan, kegelisahan dan ketakutan. Ini semua tidak mungkin didapat dalam perubahan Islam.

PEMAHAMAN TENTANG PERUBAHAN ISLAM

Berbagai pendapat dan pandangan tentang pemahaman Perubahan Islam sehingga ia menjadi suatu keperluan bagi kita menentukan pemahaman yang sebenar, yang tidak menjadikannya suatu konsep yang salah.

- Perubahan Islam bukanlah suatu fenomena politik bagi sebuah negara.
- Ia juga bukanlah satu ketetapan yang lahir dari sebuah negara yang mengharamkan hanya sebahagian apa yang diharamkan Allah, atau melaksanakan sebahagian dari syariat Allah.
- Ia bukanlah merupakan nas dalam perlembagaan di sebuah negara yang menyatakan agama rasminya ialah agama Islam atau ketua negaranya semesti seorang yang beragama Islam.
- Dalam Perubahan Islam, tidak tergambar hukuman gantung atau hukuman bunuh sebilangan kecil atau sebilangan besar mereka yang menyeleweng samada dari segi politik maupun akhlak.
- Perubahan Islam tidak berlaku dengan hanya menghapuskan kebatilan tanpa menelurkan hak.
- Perubahan Islam tidak mungkin akan bercanggah dengan kepastian ilmiah atau bertentangan dengan kemajuan teknik.
- Sesungguhnya perubahan Islam itu adalah dengan meruntuhkan asas masyarakat jahiliah pada sudut pemikiran, perundangan dan juga prinsip-prinsip. Dan menggantikannya dengan pemikiran, perundangan dan prinsip-prinsip Islam di tempat itu.
- Perubahan Islam bererti melaksanakan 'Ubudiyah' manusia kepada Allah di dalam semua urusan kehidupan individu dan awam.
- Perubahan Islam bererti kesetiaan dan kepatuhan masyarakat, bangsa dan pemerintah hanya bagi Allah Rabb al-Alamin.
- Perubahan Islam ialah perubahan dari akar umbi secara menyeluruh dan mencabut segala bentuk 'kayan' jahiliah dan bukannya usaha tempelan atau memperbaiki beberapa sudut sahaja dengan celupan Islam.

Kenapa Perubahan Islam?

Sesungguhnya perubahan yang mengikut ciri-ciri yang telah disebutkan itu merupakan suatu kefardhuan dari segi syara' dan penting dari segi kemanusiaan. Adapun dari segi syara', dengan sebabkan terbengkalainya 'hakimiyah Allah' di muka bumi dan berkuatkuasanya sistem dan perundangan ciptaan manusia ke atas masyarakat umat manusia, wajib setiap orang Islam mengambil inisiatif melakukan perubahan dan memulakan cara hidup Islam sebagai memenuhi tuntutan Islam. Firman Allah swt:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَخِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا

قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

4:65. Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, Kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.

وَمَا أَخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبِّي عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

"Tentang apapun kamu berselisih, maka putusannya terserah kepada Allah. Itulah Allah tuhanku. KepadaNya aku bertawakkal dan kepadaNyalah aku kembali." S 42.10

Usaha bagi mewujudkan sebuah masyarakat Islam tidak akan tercapai tanpa perubahan. Hukum-hukum dan kewajipan syara' tidak mungkin dilaksanakan tanpa negara, dan mengikut satu kaedah syara':

(أَنْ مَا لَا يَقِيمُ الْوَاجِبُ إِلَّا بِفَهْرِ وَاجِبٍ).

'Sesuatu yang tidak menyempurnakan satu kewajipan yang lain melainkan dengannya, maka ia juga wajib hukumnya.'

Perubahan Islam dianggap menjadi suatu perkara penting bagi umat manusia kerana banyak sebab dan alasan yang boleh kita simpulkan adalah seperti berikut:-

- * Melepaskan umat manusia dari kehinaan dan kecelakaan yang diakibatkan oleh peradaban barat.
- * Bankrapnya tamadun negara barat menjadikan perubahan Islam itu suatu keperluan yang mendesak kepada umat manusia.
- * Hancur leburnya 'kayan-kayan' (bentuk) aqidah di dunia memerlukan kepada perubahan secara Islam dan penyelesaian Islam.
- * Pandangan yang mendalam dan teliti terhadap kedudukan dunia Islam kini memerlukan perubahan Islam ini iaitu.

Ada negara-negara yang mendakwa sebagai negara Islam, dalam waktu yang sama memburukkan wajah Islam dan hakikat Islam dengan melakukan apa yang sebenarnya jauh dari Islam!

Ada negara-negara Islam lain yang mengadu bahawa ia dikuasai oleh parti-parti kiri atau kanan yang rakyatnya diperintah di bawah besi dan api, dan Islam diperangi tanpa ada tolak ansur lagi.

Ada negara Islam yang menjual diri dan maruah kepada blok timur mahupun blok barat, menjadikan rakyat dan hasil negaranya hanya bagi kepentingan penjajahan. Kenyataan yang pahit ini sedang dialami oleh umat manusia dan dunia memerlukan perubahan itu hingga ia sampai ke peringkat wajib. Adalah penting untuk melepaskan dunia Islam dari keadaan yang ada, supaya Islam dapat mengambil pimpinan bagi menunjuk dunia kepada hidayah dan seterusnya melepaskan manusia dari kehilangan pegangan dan terkapai-kapai.

Seperti Firman Allah swt:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

2:143. Dan demikian (pula) kami Telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

Ada segolongan orang pula berpendapat bahawa perubahan Islam tidak ada faedahnya selain dari mendapat keredhaan Allah di akhirat dan terlepas dari

siksaanNya. Tanpa menafikan pentingnya sudut akhirat, Perubahan Islam memberi keuntungan di dunia sebelum di akhirat. Antara lainnya:-

- Tercapainya keimanan kaum muslimin, kewujudan mereka, aqidah dan juga akhlak mereka.
- Tercapainya wahdah (Penyatuan) muslim dan kekuatan mereka yang membolehkan mereka menyelesaikan masalah politik dan ketenteraan mereka.
- Tercapainya keadilan dan kecukupan dalam kehidupan berekonomi.
- Tercapainya kewujudan individu soleh, usrah solehah, masyarakat baik dan negara yang baik.
- Tercapainya gambaran dari prinsip perundangan dan sistem Islam dalam realiti bukan sahaja sebagai suatu ideal.
- Terbangunnya suatu kuasa ketiga antara dua blok yang sering bertentangan (timur/barat). Ini mengjudkan perimbangan di dunia dan menghentikan pertentangan antara kuasa timur dan kuasa barat serta pencabulan mereka yang berterusan ke atas keselamatan dan keamanan bangsa-bangsa yang lemah serta hak mereka untuk hidup merdeka sepenuhnya.
- Tercapainya kepimpinan Pemikiran Islam dan penguasaan 'manhaj' Islam selepas bankrapnya tamadun barat dan runtuhnya ideologi-ideologi taghut di dunia.

Apakah Ertinya Tercapai Perubahan Islam

Apabila kita menyeru ke arah perubahan Islam kita mestilah mengetahui apakah yang diertikan dengannya dan apa pula implikasi darinya?

Perubahan Islam bukanlah perkara biasa. Juga bukannya kerja yang mudah. Ia bukanlah seperti revolusi-revolusi lain, tidak juga seperti lain-lain pemberontakan.

Perubahan Islam ialah yang berdasarkan aqidah Islam dan tidak dapat berdiri atas asas aqidah lain. Ia melalui manhaj dan sistem yang tidak ada tandingannya di alam ini. Ia merupakan kuasa ketiga yang tidak dapat ditandingi oleh kuasa lain.

- Oleh itu ia akan menggerakkan semua kuasa-kuasa dunia untuk berusaha menghentikan perjalanannya.
- Kerana itu kuasa Yahudi antarabangsa serta Misionary antarabangsa, juga Komunis antarabangsa akan menentang gerakan perubahan Islam.
- Kerana itu juga banyak institusi dan pertubuhan Arab dan 'Islam' akan menentang Perubahan Islam ini.
- Kerana itu setiap parti di kalangan umat kita akan menentang Perubahan Islam ini. Sesungguhnya jalan ke arah perubahan Islam adalah jalan yang sukar dan berlumpur tetapi ia merupakan satu-satunya jalan yang hak (dan yang hak itu lebih berhak untuk diikuti).

Firman Allah swt:

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَشْيُعُوا أَلْسُنَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ

6:153. Dan bahwa (yang kami perintahkan ini) adalah jalanKu yang lurus, Maka ikutilah Dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), Karena jalan-jalan itu mencerai beraikan kamu dari jalannya.

فَذِلِكُمْ آلَهُ رَبُّكُمْ أَحَقُّ فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الْأَضَلَالُ

10:32. Maka (Zat yang demikian) Itulah Allah Tuhan kamu yang Sebenarnya; Maka tidak ada sesudah kebenaran itu, melainkan kesesatan.

Pemilihan Mereka Yang Berkeahlian

Tugas perubahan yang sukar itu dituntut oleh Islam untuk melepaskan manusia dari kerendahan jahiliah, dan ianya memerlukan kepada para pemuda sebagai pihak yang berkeahlian dan mempunyai persediaan. Ini memerlukan adanya pemilihan yang baik.

Logik pemilihan ini bukanlah satu perkara baru atau yang diada-adakan. Ia suatu logik yang telah berlaku dalam sejarah bagi melaksanakan perubahan di mana penerimaan umat manusia, persiapan dan kebolehan berbeza dari segi kualiti dan kuantiti. Apa yang mampu dilakukan oleh seseorang itu mungkin tidak mampu dilakukan oleh yang lain, begitu pula sebaliknya. Memang benarlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah saw dalam menggambarkan perbezaan manusia dalam memberi dan menerima.

Sabdanya:

(مثلاً ما بعثني الله به من الهدى والعلم كمثل
الغيث الكثير أصاب أرضًا فكان منها: ١ -
نقية (أي طيبة) قبلت الماء فأنبتت الكثرة
والعشب الكثير.. وكانت منها: ٢ - أجذب
 أمسكت الماء فنفع الله بها الناس فشرعوا
 وسقوا وزرعوا.. وأصاب منها طائفة أخرى ثم
 هي: ٣ - قيغان لا تمسك ماء ولا تبت كلأ..
 فذلك مثل من فقه في دين الله ووضعه ما بعثني
 الله به فعلم وعلم.. ومثل من لم يف بذلك رأساً
 ولم يقبل هدى الله الذي أرسليت به).

'Bandingan apa yang diutuskan oleh Allah kepada aku yang berupa petunjuk dan ilmu adalah bagaikan hujan yang banyak yang menimpa bumi. Bumi itu sebahagiannya baik, ia menerima hujan dan dengan itu menumbuhkan rumput (tumbuhan) yang banyak. Sebahagiannya tidak menumbuhkan tanaman tetapi ia menakung air lalu Allah jadikan manusia mendapat manfaat dengannya untuk minuman dan menyiram tanaman. Dan sebahagian yang lain tidak menakung air serta tidak menumbuhkan tumbuhan. Maka begitulah bandingan mereka yang faham agama Allah. Apabila diberi manfaat yang diutus oleh Allah maka dia belajar dan mengajar. Bandingannya ialah mereka yang tidak diangkat dan tidak menerima petunjuk Allah yang telah diutuskan itu.'

Pemilihan ini digunakan oleh Rasulullah apabila baginda memilih mereka yang mempunyai persediaan dan keupayaan untuk berdakwah sebelum dihantar untuk menyeru kaum qabilah Arab dan manusia umumnya. Prinsip pemilihan ini telahpun berlaku dalam tugas-tugas yang penting.

Pada hari peperangan Khaibar telah bersabda Rasulullah saw:
"Akan aku berikan bendera ini kepada lelaki yang Allah akan membuka Khaibar di tangannya, dia kasih kepada Allah dan RasulNya dan dia pula dikasihi Allah dan RasulNya."S20.13

Besok paginya semua menemui Rasulullah dengan harapan bendera tersebut akan diserah kepada masing-masing. Bersabda Rasulullah, "Di mana Ali bin Abu Talib?" Maka dijawab, "Dia mengadu kesakitan mata." Bersabda Rasulullah, "Jemputkan dia

ke mari." Ali datang menemui Rasulullah. Maka Rasulullah pun meludahkan ke dua mata Ali dan berdoa supaya sembuh, lalu ia segera sembuh seperti tidak pernah mengalami kesakitan. Maka Rasulullah saw pun memberikan bendera itu kepadanya.' Al-Quran telah menunjukkan kepada kita akan prinsip pemilihan dalam banyak ayat dan tempat dalam membentangkan tentang para anbiya' dan mursalin.

Tentang pemilihan Musa a.s. Allah berfirman:

إِنِّي أَصْطَفَيْتُكَ عَلَى النَّاسِ بِرِسَالَتِي وَكَلَّمَيَ فَحْذَ مَا أَتَيْتُكَ وَكُنْ مِّنَ الشَّاكِرِينَ

7:144. Sesungguhnya Aku memilih (melebihkan) kamu dan manusia yang lain (di masamu) untuk membawa risalah-Ku dan untuk berbicara langsung dengan-Ku, sebab itu berpegang teguhlah kepada apa yang Aku berikan kepadamu dan hendaklah kamu termasuk orang-orang yang bersyukur."

وَأَنَا أَخْتَرُكَ فَاسْتَمِعْ لِمَا يُوحَى

20:13. Dan Aku Telah memilih kamu, Maka dengarkanlah apa yang akan diwahyukan (kepadamu).

Tentang pemilihan Maryam Allahu swt berfirman:

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَدْمَرِيمُ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَنَا وَطَهَرَنَا وَأَصْطَفَنَا عَلَى نِسَاءِ الْعَالَمِينَ

3:42. Dan (Ingatlah) ketika malaikat (Jibril) berkata: "Hai Maryam, Sesungguhnya Allah Telah memilih kamu, mensucikan kamu dan melebihkan kamu atas segala wanita di dunia (yang semasa dengan kamu).

Dalam pemilihan Nabi Adam, Nuh dan Ibrahim pula, Allah swt berfirman:

* إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَى آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ ذُرِّيَّةٌ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ

٤

3:33. Sesungguhnya Allah Telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran melebihi segala umat (di masa mereka masing-masing),mewarisi zuriat sebahagiannya dari sebahagian yang lain.

Tentang pemilihan Rasulullah saw pula, Nabi Muhammad saw sendiri bersabda:

(ان الله اصطفى كنانة من ولد اسماعيل..
واصطفى قريشاً من كنانة.. واصطفى من قريش
بني هاشم.. واصطفاني من بني هاشم).

'Allah telah memilih kaum Kananah dari keturunan Ismail. Dia memilih Quraisy dari Kananah. Dia memilih Bani Hasyim dari kalangan Quraisy, dan memilih aku dari Bani Hasyim.' Riwayat Muslim dalam sahihnya.

Asas Keahlian Yang Dipilih

Perbezaan kemampuan dan persiapan di antara individu-individu yang berlainan adalah suatu tabi'i dan realiti. Maka di sana terdapat faktor yang banyak menjadikan

perbezaan ini, samada merupakan fitrah (asal kejadian), warisan atau juga faktor yang boleh diusaha (iktisabi). Di antara faktor ini ada yang merupakan asas yang tumbuh dari peribadi individu itu atau yang baru muncul.

Operasi pemilihan perlulah berpegang kepada faktor sifat-sifat asas yang antara lain ialah:-

1- Persiapan indhibati (*Boleh disusun-atur*)

Suatu sifat yang membolehkan seorang itu dicalonkan untuk berperanan mengubah tamadun ini ialah persediannya menurut arahan. Penerimaan arahan adalah suatu persediaan kejiwaan dan fikiran untuk terikat dan berpegang teguh (iltizam). Tanpa adanya persediaan ini, unsur taat akan hilang dan turut hilang pula unsur bersedia menerima untuk melaksanakan. Maka tidak ada nilai kemampuan rohaniah, fikriyah dan jasmaniah yang boleh dimanfaatkan daripadanya dan ia tidak dapat dikawal atau diarahkan. Ia kadangkala menjadi unsur yang menghancurkan, menyekat dan menghalang.

2-Persedian Ibda'i (*Memberi/produktif*)

Suatu lagi sifat yang wajib ada pada seorang calon untuk berperanan mengubah ialah sifat Ibda' ertinya memberi dan melahirkan natijah. Inilah sifat yang menjadikan seorang pemuda Islam itu dalam suasana masyarakat sekitarnya menjadi sebagai pelopor dan bukannya pengekor, yang cergas bergiat dan bukannya malas dan menjemukan. Yakni sifat inisiatif sendiri dalam skop peranan yang diwakilkan kepadanya. Adapun mereka yang hanya bergerak apabila diketuk atau ditekan, maka yang seumpama itu tidak diperlukan sangat oleh Islam dewasa ini. Keperluan hari ini amatlah mendesak kepada mereka yang sanggup memikul Islam bukannya Islam memikul mereka.

3- Persediaan Jihad

Sifat yang berikutnya bagi pemuda Islam sebagai calon berperanan mengubah ialah sifat Jihad, ertinya persediaan kejiwaan untuk berjihad dan tuntutan jihad seperti berkorban jiwa dan harta malah segala sesuatu. Sifat jihad yang menjadikan pemuda Islam itu mempunyai persediaan cukup bagi memenuhi bai'ah dengan Allah menurut firmanNya:

رَبَّنَّا اللَّهُ أَكْثَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ بِأَيْدٍ لَهُمُ الْجَنَّةَ
يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ
وَالْإِنجِيلِ وَالْقُرْءَانِ وَمَنْ أَوْفَ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِيَعْكُمُ الَّذِي
بَأَيَّاعُتمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

9:111 "Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang mukmin itu jiwa dan harta mereka dengan ganjaran syurga, mereka berperang pada jalan Allah, maka mereka membunuh dan mereka dibunuh, janji ke atasnya itu benar tersebut dalam Taurat, Injil dan al-Quran, dan siapakah yang lebih menepati janjinya selain dari Allah dan bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar."

Inilah di antara sifat-sifat penting yang diwajibkan ada pada mereka yang akan dicalonkan untuk melakukan tugas perubahan. Dan inilah sifat-sifat utama yang darinya muncul pula sifat-sifat lain.

Gambaran Buruk Yang Ingin Diubati

Persediaan untuk pemuda Islam bagi menghadapi cabaran dan melakukan perubahan Islam yang dicita-citakan itu, sewajibnya menepati segala jaminan untuk menjadikannya mampu membentuk 'Sahsiah Island yah' yang sejajar dengan peranan yang telah diamanahkan kepadanya.

Sesungguhnya 'Sahsiah Islamiyyah' kini telah ditimpa gambaran buruk yang mengakibatkan kepada terbantutnya peranan yang sejati ini juga membawa kepada penggunaan tenaga pada perkara-perkara ranting (juz'i) yang membawa kepada hilangnya kemampuan untuk mengikuti jalan hingga ke hujung perjuangan atau boleh membawa kepada natijah-natijah buruk.

Antara rencana persediaan yang mesti diberikan perhatian yang kebiasaanya telah menyebabkan wajah buruk kepada Sahsiah Islamiyyah, dan dikhkususkan kepada pemuda Islam ialah:-

1- Penguasaan Idealisme Negatif terhadap Harakah

Ianya adalah pemisahan yang berlaku terhadap sebahagian pemuda Islam di antara idealisme yang berbentuk teori yang menjadikan mereka abai dari beriltizam secara amali. Akibatnya tidak ada kesan langsung di bidang penghasilan haraki.

Sebahagian yang lain pula menyepikan diri mereka ke dalam ruangan yang sempit di dalam "Idealisme" yang menyebabkan mereka tidak akan sampai kepada kenyataan atau menuju kepada ideal itu. Mereka ini tidak menggunakan tenaga mereka yang sepatutnya mereka gunakan untuk bergerak dan menghasilkan sesuatu.

Sesungguhnya ada seorang muslim pada zaman nubuwah telah mengasingkan dirinya di atas sebuah bukit. Maka dia berjumpa dengan Rasulullah saw lalu baginda bersabda:

احذم ساعه في موطن من مواطن الجهاد خير
من عبادة احذم ستين عاماً.

'Kesabaran seseorang dari kamu satu saat di suatu tempat jihad lebih baik daripada beribadat enam puluh tahun.'

Rasulullah saw tidak akan memilih antara dua, kecuali jalan tengah selagi ia tidak bertentangan dengan syariat Allah. Antara wasiat Rasulullah saw yang masyhur:

(القليل الدائم خير من الكثير المقطوع).

'Sedikit yang berterusan lebih baik daripada banyak yang berputus-putus.'

Keimanan mewajibkan bergerak (harakah) dan mengeluarkan hasil (intaj), jika tidak maka ia menjadi iman yang kurang dan disyaki. Ini adalah berdasarkan kepada ayat-ayat di dalam kitab Allah yang mana setiap ayat mengenai iman, disyaratkan dengan amal. Cukuplah sebagai bukti firman Allah: "Tidak ada kebaikan pada banyaknya do'a' (munajat) mereka itu kecuali mereka yang diperintahkan dengan bersedekah."

2- Penguasaan Teori ke atas Realiti

Daripada gambaran buruk 'Sahsiah Islamiyyah' juga ialah, berfikir pada bekas yang jumud yang sesuai dengan waqi' (realiti) atau tidak atau sesuai dengan realiti lain. Ini membawa terpisahnya para teoris itu dari realiti kehidupan, atau mereka gagal dalam mengubah realiti (waqi'), kerana mereka tidak memahami atau mengkaji realiti yang sebenar. Perubahan Islam tidak mungkin tercapai melalui teori yang jahil dengan realiti dan juga latar belakang serta kekuatan-kekuatan (power) yang menguasai suasana itu.

Kadangkala golongan ini menganggap kegagalan mereka sebagai takdir dari Allah, dan pada mereka cukuplah untuk menjadi 'ghuraba' (dagang) pada akhir zaman, atau cukup untuk mereka berada atas jalan 'haq' (kebenaran) walaupun mereka tidak dapat menguasai kebatilan atau mengubahnya.

Pada hakikatnya mereka tidak mengambil sebab-sebab yang membolehkan berlakunya perubahan itu. Mereka tidak menggunakan nawa'mis yang ditentukan Allah untuk perubahan. Mereka menganggap sesuatu perubahan itu sebagai suatu keadaan mukjizat yang mungkin berlaku tanpa penat dan payah, seolah-olah mereka tidak mengambil ingatan terhadap firman Allah swt:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

13:11 "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum itu sehingga mereka itu mengubah apa yang ada dalam diri mereka."

Menghubungkan sebab dengan musabab, serta menggunakan segala sebab yang ada khususnya dalam peranan penting seperti Perubahan Islam ini merupakan suatu kaedah asal dalam agama Allah yang tidak harus dilupakan, atau dicuaikan atau dipermudahkan. Ini disebut sendiri oleh Al-Quran:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ لَمْ يَأْكُ مُغَيِّرًا بِعَمَّا نَعَمَّهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

8:53 "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nikmat yang diberikan kepada sesuatu kaum melainkan mereka mengubah apa yang ada dalam diri mereka."

3- Keterlaluan mengatasi kesederhanaan

Salah satu dari rupa buruk Sahsiah Islamiyyah hari ini ialah gejala keterlaluan yang tidak ada kesederhananya. Gejala ini mungkin merupakan gejala yang paling merbahaya kepada harakah Islamiyyah malah kepada Islam sendiri.

- Kadang-kadang gejala ini wujud dalam skop keyakinan peribadi terhadap Islam, yang akan membawa kepada 'ghuluw' (melampau). Rasulullah saw telah mengingatkan:

(ان هذَا الدِّين شَدِيدٌ فَأَوْغْلُوْ فِيهِ بِرْفَقٍ).
(أَلَا هَلْكَ الْمُنْتَطَعُونَ)

'Sesungguhnya agama itu keras, maka masuklah kamu ke dalamnya dengan lemah-lembut. Berjagalah! Binasa orang yang berjalan meraba-raba.'

- Kadang-kala gejala ini timbul dalam bentuk amal dakwah dan usaha menarik orang kepada Islam, yang membawa kesan sebaliknya. Ianya menjadikan orang bertambah liar bukan bertambah dekat. Ini adalah bertentangan dengan Sunnah Rasulullah saw seperti yang ditunjukkan oleh al-Quran:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحَكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِيلَهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

"Serulah (manusia) kepada jalan tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berbincanglah (berdialog) dengan mereka itu dengan cara yang lebih baik." S 16.125

وَأَوْكَدْتَ فَطَّافِلَةَ الْقَلْبِ لَا نَفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ

"Sekiranya kamu bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekeliling kamu." S 3.159

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٤٦﴾

9:128 "Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mu'min."

- Kadang-kala gejala ini timbul di dalam keadaan menghapuskan kemungkaran, samada secara serpihan (juz'i) atau keseluruhan (kulli), iaitu sebelum cukup sempurna persediaan yang perlu untuk kerja tersebut. Maka ini menyebabkan harakah menerima 'mihnah' (tribulasi) dan cabaran yang lebih besar yang mana harakah Islam ini belum lagi bersedia untuk menghadapinya.

Pada hakikatnya, gejala ini banyak mengandungi risiko terhadap harakah Islamiyah pada zaman sekarang dan terpaksa dibayar dengan harga yang mahal, paling sedikit gejala ini akan melambatkan amal dan menghentikan perjalanan' sama ada secara juz'i atau kulli (separuh atau keseluruhan).

4- Penguasaan Juziyah ke atas Kulliyyah

Iaitu gejala memburukkan wajah gerakan Islam dengan adanya sebahagian dari pemuda Islam yang hanya menekankan suatu sudut tertentu dari Islam dan tidak memandang kepada sudut-sudut lain. Ada di antara mereka yang hanya menekankan kepada pakaian Islam dan apa-apa yang berhubung dengannya sahaja, atau yang lain menekankan soal janggut, tasbih dan kayu sugi (siwak) dan tidak yang lain, sedangkan sebahagian lain menekankan cara kekerasan dan kekuatan material dan tidak kepada yang lain, sedangkan yang lain pula menekankan kepada kehidupan secara rahib dan tasawuf, yang lain menekankan fiqh dan tafaqquh. Kesemuanya mendakwa bahawa mereka lah yang benar dan orang lain salah.

Sepatutnya dalam pentarbiyahan pemuda hendaklah ditekankan supaya mengambil Islam keseluruhannya dan sekaligus. Mengikut prioriti yang mana lebih penting untuk diberikan keutamaan serta meletakkan setiap perkara itu pada skop dan kedudukannya yang syarie.

5-Penguasaan Peribadi ke atas Ideologi

Antara gambaran buruk lain ialah ikutan kepada peribadi, melampau dalam taksub kepada manusia di mana ada segolongan pemuda Islam yang taksub kepada peribadi-peribadi (Askhas) bukannya, prinsip (mabadi'). Mereka bergantung kepada peribadi itu lebih daripada pergantungan mereka kepada mabadi' (prinsip). Ini membawa kepada sebab utama mengapa tidak ada penuh kesetiaan atau kepatuhan (wala') kepada Allah. Mereka ini berpihak kepada puak, taksub kepada individu-individu dan nama-nama, bukannya kepada apa yang disyariatkan oleh Allah.

- Dari bahaya gejala ini dan natijah buruknya ialah berlakunya percanggahan dan pecah-belah dalam tubuh harakah Islamiyah dan timbulnya penyakit yang banyak dalam amal Islami serta banyak wadah dan bendera.
- Dari bahaya gejala ini juga ialah rosaknya neraca hukuman syarak atau menghukum menurut

kaca mata Islam, di mana taksub kepada individu dan hawa nafsu telah mengganti tempat yang sepatutnya diisi oleh taksub kepada prinsip dan nilai.

- Begitu juga gejala ini turut mendedahkan mereka ke arah penyelewengan terus natijah daripada apa yang telah kita sebutkan di atas.

Dari sinilah mungkin kita dapat faham kata-kata Abu Bakar as-Siddiq, 'Sesiapa yang menyembah Muhammad, sesungguhnya Muhammad telah wafat, dan barangsiapa yang menyembah Allah, maka Allah hidup tidak mati.'

Lalu beliau pun membaca firman Allah swt:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ حَلَّتْ مِنْ قَبْلِهِ الْرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ أَنْقَلَبُ عَلَيْهِ أَعْقَبِكُمْ وَمَنْ يَنْقِلِبْ عَلَيْهِ
عَقِبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ أَشْكَارَهُنَّ

3:144 "Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berpaling ke belakang (murtad). Barangsiapa yang paling ke belakang maka ia tidak dapat mendatangkan mudharat kepada Allah sedikitpun dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur."

Kaedah yang sewajibnya menentukan hubungan kita, dan penilaian kita terhadap pimpinan ialah: Wajib mengenali makhluk berdasarkan 'haq' yakni kebenaran dan bukannya mengenal kebenaran melalui makhluk.

6- Penguasaan Hawa nafsu atas Kebenaran

Di sana terdapat suatu lagi gejala lain yang memburukkan wajah gerakan Islam iaitu manusia lebih suka mengikuti kemahuan dan nafsunya sendiri serta fikirannya walaupun bertentangan dengan pandangan 'qiadah' (pimpinan). Sedangkan tarbiyah Islamiyyah mewajibkan supaya ia digantikan dengan keinginan peribadi dan kemahuan sendiri dengan kepatuhan (wala) sepenuhnya kepada Allah seperti yang dimaksudkan dalam firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمْ لَهْوٌ مُّحْبَثٌ مِّنْ أَمْرِهِمْ

"Tidaklah patut bagi seseorang mukmin itu, lelaki atau perempuan mempunyai pilihan lagi jika sekiranya telah dihukum oleh Allah dan RasulNya dalam sesuatu perkara tentang urusan mereka."

S 33.36

7- Antara Apa Yang telah Berlaku dengan Apa Yang Akan Berlaku

Satu lagi gejala yang memburukkan sahsiah Islamiyyah hari ini ialah dengan menerima realiti dan tunduk kepadanya. Ini menjadikan natijah dan hasil yang semata-mata bergantung kepada apa yang ada, bukan apa yang sepatutnya (sewjibnya) berlaku. Dalam banyak keadaan, logik ini menyekat perjalanan harakah dan tidak sampai kepada matlamatnya, kerana perencanaan dalam keadaan ini mengikut asas kemampuan yang ada bukannya kemampuan yang sepatutnya ada. Perbezaan antara dua keadaan itu seperti perbezaan antara Haq dan Batil. Oleh sebab itu pemuda Islam wajib ditarbiyyah dan dididik supaya bercita-cita tinggi atas kebenaran dan merasa mulia dari kebatilan. Mereka juga harus dididik supaya tidak menggadaikan haq kepada waqi untuk membolehkan mereka melaksanakan Perubahan Islam yang dicita-citakan.

Persedian Pemuda Islam

Seperti yang telah dinyatakan kepada kita bahawa peranan pemuda Islam ialah peranan mengubah, iaitu suatu peranan yang amat sulit dan berat. Maka sewajarnya persediaan mereka juga hendaklah sesuai dengan besarnya tanggungjawab dan mas uliyah tersebut, serta betapa bahayanya atau risiko yang akan dihadapi olehnya. Dari sini, perkara utama yang mesti diingat

ialah menentukan skop-skop kasar yang asas bagi persediaan ini sebelum kita masuk secara terperinci.

- 1- Hendaklah persediaan itu satu persediaan yang sempurna-menyempurnakan: Dalam erti kata yang lain, ianya hendaklah merangkumi semua sudut persediaan, dari segi pemikiran, kejiwaan, pergerakan dan sebagainya. Jangan jadi persediaan itu hanya tertumpu kepada pemikiran semata-mata, atau kerohanian semata-mata, atau pergerakan politik semata-mata, tetapi ia hendaklah menitik beratkan semua sudut sahsiah supaya menjadi sahsiah Islamiyyah yang sempurna yang mampu bertahan menghadapi cabaran serta berterusan untuk mencapai matlamat.
- 2- Persediaan yang seimbang: Iaitu dengan menitik beratkan setiap sudut dengan kadar yang sepatutnya bukan berlebihan dan tidak pula berkurangan. Ini kerana melebihkan perhatian kepada sesuatu sudut akan mengurangkan perhatian kepada sudut lain pula. Ini tidak syak lagi akan membawa kepada keburukan dan menghilangkan keseimbangan sahsiah Islam tadi.
- 3- Persediaan itu hendaklah praktikal di mana ia tidaklah seharusnya dalam bentuk teori sahaja, tetapi hendaklah bergantung kepada usul dan method 'tatbiqi' (amali) dalam usaha pembentukan (takwin) dan persediaan, juga untuk mewujudkan contoh baik yang bergerak. Ini bererti persediaan ini ialah melalui harakah dan amal, bukannya melalui 'maui'zah' (nasihat) dan pelajaran.

Melaksanakan perkara-perkara utama yang asas ini dalam usaha penyediaan, membantu untuk mewujudkan sahsiah yang mantap, yang tidak kabur atau pincang, tidak pula ekstrim dan tidak juga tarakhus (memudah-mudahkan) atau terlalu bertolak ansur. Inilah sahsiah yang dihajati oleh Islam hari ini dalam proses perubahan.

Bentuk manhaj Bagi Persediaan Pemuda Islam

Ia wajiblah mengandungi tiga perkara pokok:

- 1- Persediaan di segi pemikiran.
- 2- Persediaan di segi kejiwaan.
- 3- Persediaan di segi haraki (Pergerakan).

1- Persediaan di segi Pemikiran

Yang kita maksudkan adalah membentuk aqliyah Islamiyyah (berfikir secara Islam) bagi pemuda-pemuda Islam. Apakah 'thaqafah' (pengetahuan) yang diperlukan?

Bagi pemuda Islam, supaya membolehkan mereka bangun menunaikan tanggungjawab yang berat itu, mereka memerlukan pemikiran yang sempurna, iaitu:

- A) "Thaqafah Islamiyyah (pengetahuan Islam) iaitu wajib mereka dipersenjatai dengan pengetahuan Islam, di mana pengetahuan yang asli murni terpusat pada usul-dasar dan kaedah. Ia diperlukan awal lagi untuk membina kehidupan di atasnya; dan juga sebagai alat untuk menarik orang lain kepadanya. Sesungguhnya orang yang tidak memiliki sesuatu itu tidak mampu memberi.

Bagi membentuk thaqafah Islamiyyah ini semestinya dipelajari ilmu-ilmu berikut: Al-Quran dan tafsirnya, as-Sunnah dan ulumnya, as- Sirah an-Nabawiyah, kehidupan para sahabat, fiqh dan usul fiqh, ilmu Aqidah, ilmu Tazkiyah, dan sistem-sistem Islam. "Barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan padanya dia difahamkan agama kepadanya."

- B) Thaqafah Ammah (Pengetahuan Umum) iaitu pemuda-pemuda Islam memerlukan pengetahuan, ilmu dan pemikiran lain bagi membolehkannya mengkritik dan menghadapi mana-mana penyelewengan. Benarlah sabda Rasulullah saw dalam hadis-hadis:

(من تعلم لغة قوم أمن مكرهم)

‘Sesiapa yang mempelajari bahasa sesuatu kaum itu ia aman dari tipuan mereka.’

(خذوا الحكمة من اي وعاء خرجت).

'Ambillah hikmah itu walau vdari bekas manapun ia keluar.'

Bagi membentuk thaqafah umum maka mestilah dipelajari: Pengetahuan tentang kemanusiaan, sains, pengetahuan tentang realiti dan sejarah.

2-Persediaan di segi kejiwaan.

Apa yang kita maksudkan ialah pembentukan kejiwaan secara Islam bagi pemuda Islam. Kejiwaan Islam itu ialah kejiwaan yang menggunakan naluri dan kecenderungan mengikut hukum syara', kejiwaan yang mendapatkan fatwa Islam dan berpegang teguhdengan fatwa itu. Maka ia tidak dikuasai oleh hawa nafsu atau dipimpin oleh syahwat atau oleh kepentingan.

Persediaan kejiwaan ini samalah pentingnya dengan merialisasikan persediaan pemikiran dan mengamalkan aqliyah Islamiyyah itu.

Persediaan kejiwaan ialah menjinakkan jiwa untuk terikat dengan syarak dalam memenuhi kehendak dan kemahuian. Ini boleh dicapai dengan memahami hukum syarak bagi had-had pemenuhan itu. Kemudian menjinakkan jiwa untuk menunaikan tanggungjawab ibadah dan tarbawiyah (pendidikan tarbiah).

Persediaan kejiwaan merupakan tulang belakang kepada manhaj tarbiyyah. Ianya merupakan hati yang berdegup dan dinamo yang menggerakkan segala enjinnya.

Di sini wajiblah bagi mereka yang bertanggungjawab memberi tarbiah kepada pemuda-pemuda untuk mengetahui bahawa persediaan kejiwaan ini ialah sebagai batu asas dalam pembinaan sahsiah Islamiyyah.

Pemuda Islam pula hendaklah memahami bahawa perhatian berat hendaklah diberi kepada Tazkiatan-Nafsi (membersihkan diri). Ianya hendaklah lebih dari segi lain. Kalaulah akal dan jasad memerlukan makanan seperlunya untuk menjalankan peranan secara sempurna, begitulah juga dengan jiwa dan hati, hendaklah diberikan makanan kerana dengan jiwa ia beriman dan dengan hati ia menjadi rabbani.

Oleh itu bagi pemuda Islam, sejauh manapun pengetahuan yang ada padanya tidaklah terjamin selagi pembentukannya tidak rabbani, kerana tanpa rabbani, ilmu pengetahuan tidak akan dapat diasaskan ke atas taqwa dan keredhaan Allah swt.

Dari sini dapatlah kita fahamkan beberapa kali tentang nilai hati yang disebutkan oleh Al-Quran dan sunnah apabila berbicara tentang manusia. Allah swt berfirman:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرَى لِمَنْ كَانَ لَهُ قُلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾

50:37 "Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau akal atau yang menggunakan pendengarannya".

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَنْجَى اللَّهَ بِقُلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٢٦﴾

26.88-89 "Pada hari yang tidak lagi bermanfaat harta dan anak kecuali mereka yang datang menghadap tuhan dengan hati yang sejahtera".

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادِونَ مَنْ حَادَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا إِبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُوْتَيْكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمْ إِلَيْمَنَ وَأَيَّدَهُمْ بِرُوحٍ مِنْهُ

58.22 "Tidak kamu dapat suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul Nya, walaupun mereka itu bapa-bapa mereka, anak-anak mereka atau saudara-saudara mereka atau kaum kerabat mereka. Mereka itu orang-orang yang Allah telah menanamkan keimanan di hati mereka keimanan dan disokong pula dengan ruh dariNya".

Dalam sunnah, sabda Rasulullah saw:

(الإِنْسَانُ عَيْنَاهُ هَادٌ، وَأَذْنَاهُ قَمْعٌ، وَلِسَانُهُ
تَرْجُحَانٌ، وَيَدَاهُ جَنَاحَانٌ، وَرِجْلَاهُ بَرِيدٌ، وَالْقَلْبُ
مِنْهُ مَلْكٌ، فَإِذَا طَابَ الْمَلْكُ طَابَتْ جَنُودُهُ).

Manusia itu kedua matanya ialah penunjuk, kedua telinganya menahan (daripada maksiat), lidahnya jurucakap, kedua tangannya sayap, dua kakinya tunggangan. Hatinya raja, apabila raja baik, baiklah tenteranya.'

Tanda-Tanda Hati Yang Hidup.

Pemuda Islam hendaklah mengambil berat tentang hati, mengawalnya dan meninjau keadaannya untuk mengetahui sejauh manakah kasar atau halusnya, lembut atau kerasnya.

Suatu petanda yang menunjukkan hati yang sihat ialah hati yang cenderung kepada dorongan baik dan ingatan ke arah hidayah, sesuai dengan firman Allah swt:

الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُبَيَّنَتْ عَلَيْهِمْ إِيمَانُهُ زَادُهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٧﴾

8.2 "Orang-orang yang apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayatnya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal".

وَيَشَرِّبُ الْمُخْبِتِينَ ﴿٨﴾ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَالصَّابِرِينَ عَلَى مَا أَصَابَهُمْ وَالْمُقِيمِيُّ الْصَّلَاةِ وَمِمَّا

رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٩﴾

22.34-35 "Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh (kepada Allah), iaitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka, orang-orang yang sabar terhadap apa yang menimpa mereka, orang-orang yang mendirikan sembahyang dan orang-orang yang menafkahkan sebahagian dari apa yang telah Kami rezekikan kepada mereka."

Tanda lain yang menunjukkan hati yang sihat ialah tegas di dalam perkara berhubung dengan agama dan berani pada jalan kebenaran. Benarlah sabda Rasulullah saw:

(إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى فِي أَرْضِهِ أَنِيَّةٌ، وَهِيَ الْقُلُوبُ..
فَأَحْمَمَ إِلَيْهِ تَعَالَى: ارْقَهَا وَأَصْفَاهَا وَأَصْلَبَهَا. ثُمَّ
فَسَرَّهَا: اصْلَبَهَا فِي الدِّينِ، وَأَصْفَاهَا فِي الْيَقِينِ،
وَارْقَهَا عَلَى الْأَخْوَانِ).

‘Bagi Allah, di bumiunya ada bekas iaitu hati. Maka yang paling dikasihi Allah ialah orang yang hatinya lembut dan bersih, iaitu hati yang keras dalam agama, bersih dalam keyakinan dan lembut terhadap saudara-saudaranya.’

Antara hati yang hidup, takutkan Allah dan apa sahaja yang dimurkainya, iaitu dengan menjauhkan diri dari segala larangan dan maksiat. Ini sesuai dengan firman Allah swt:

إِنَّ الَّذِينَ آتَقْوَ إِذَا مَسَّهُمْ طَيْفٌ مِّنَ الشَّيْطَنِ تَدَكَّرُوا فَإِذَا هُمْ مُبَصِّرُونَ ﴿٢١﴾

7.201 “Bahwasanya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka ditimpa was-was dari syaitan, mereka ingat kepada Allah, maka ketika itu juga ia melihat kesalahan-kesalahannya.”

Tanda lain yang menunjukkan sihatnya hati ialah tidak ada perasaan hasad dengki dan menipu.

Di dalam sebuah hadis telah ditanyakan kepada Rasulullah saw:

(يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ خَيْرُ النَّاسِ؟ قَالَ: كُلُّ مُؤْمِنٍ
خَمْوُنَ الْقَلْبِ. قَيلَ وَمَا خَمْوُنَ الْقَلْبِ؟ قَالَ: هُوَ
الْتَّقِيُّ الَّذِي لَا غُشَّ فِيهِ وَلَا بُغْيَ وَلَا غَدْرَ وَلَا غُلَّ
وَلَا حَسْدٌ). .

Hai Rasulullah, siapakah manusia yang baik? Jawabnya: Setiap manusia yang hatinya 'makhmum'. Ditanyakan apa erti 'makhmum'. Sabda Rasulullah: iaitu orang yang bertaqwa yang tidak ada padanya penipuan, kezaliman, mungkir dan hasad dengki.

Begitulah tanda-tanda hati yang sihat, penyerahan diri kepada Allah dalam semua keadaan. Firman Allah swt:

أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدَرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِّنْ رَّبِّهِ

39:22. Maka apakah orang-orang yang dibukakan Allah hatinya untuk (menerima) agama Islam lalu ia mendapat cahaya dari Tuhan-Nya

Telah bersabda Rasulullah saw dalam menafsirkan ayat ini:

(هُوَ التَّوْسِعَةُ، إِنَّ النُّورَ إِذَا قُذِفَ فِي الْقَلْبِ
اتَّسَعَ الصَّدْرُ وَانْشَرَ).

'Itulah cahaya yang dicampakkan di hatinya menjadikannya berlapang dada.'

Mengambil berat tentang hati.

Oleh itu pemuda Islam mestilah mengambil berat tentang hatinya. Memberikan bekalan supaya ia menjadi hati yang rabbani, yakin dan tenang.

Rasulullah saw telah menunjukkan bagaimana cara mengambil berat tentang hati bagi menunaikan tanggungjawab risalah yang dipikulnya mengikut kadar cabaran yang dihadapi untuk membolehkan mereka melaksanakan peranan terpenting dalam melakukan perubahan itu.

Pertama: Zikrullah.

Zikir atau mengingati Allah adalah menghidupkan hati. Ia membuang karat-karat dan melembutkan hati. Sesuai dengan hadis Rasulullah saw:

(ان لکل ثیء صقالة وصقالة القلوب ذکر الله).

'Setiap sesuatu itu ada penggilapnya, dan penggilap hati itu ialah zikrullah. Tidak sesuatu yang lain dapat melepaskan seseorang dari azab neraka Allah lebih dari zikrullah.' Al-Baihaqi.

Rasulullah saw telah meninggalkan kepada kita suatu manhaj atau cara berzikir kepada Allah yang meliputi semua kehidupan kita yang jika diamalkan oleh pemuda Islam ia akan menjadi sebagai hirupan udara atau memakan makanan. Benarlah Firman Allah swt

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِفَالِ الْلَّيلِ وَالنَّارِ لَآيَاتٍ لِّأُلَئِي الْأَلْبَابِ ۝ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِبَلًا وَقُوْدَأً وَعَلَىٰ جُنُوْبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا سُبْحَانَكَ فَقَاتَ عَذَابَ النَّارِ ۝ رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَيْتُمُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ۝

3.190-192 "Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi pertukaran malam dan siang adalah menjadi tanda bagi mereka yang berfikir. Iaitu mereka yang selalu berzikir mengingati Allah baik waktu bangun atau duduk atau waktu tidur. Mereka itu berfikir tentang penciptaan langit dan bumi lalu berkata, Tuhan kami, tidaklah engkau ciptakan ini dengan sia-sia; Maha Suci Engkau maka lepaskanlah kami dari azab neraka; Tuhan kami, sesungguhnya mereka yang Engkau masukkan ke neraka ialah mereka yang telah engkau hinakan dan tiada bagi orang-orang yang zalim itu penolong."

Kedua: Bergantung Dengan Kitab Allah.

Hubungan baik pemuda Muslim dengan kitab Allah iaitu pergantungan dan pembacaan mereka terhadap kitab Allah itu sambil mentadabburkan ayat-ayat dan maknanya adalah jalan yang paling dekat kepada Allah. Ia juga merupakan dorongan paling kuat ke arah hubungan baik dengan Allah.

Di dalam satu wasiat Rasulullah saw kepada Abu Dzar al-Ghafari:

fari: (عليك بتلاوة القرآن، فإنه نور لك في الأرض، وذخر لك في السماء).

'Hendaklah engkau membaca Al-Quran, sesungguhnya ia adalah cahaya bagi kamu di bumi, dan Perbendaharaan bagi kamu di langit'

Dalam hadis Rasulullah saw daripada Abdullah bin Mas'ud:

(انَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَأْدِبَةُ اللَّهِ، قَاقِبُلُوا مَادِبَتِهِ مَا اسْطَعْتُمْ، انَّ هَذَا الْقُرْآنَ حِلْلَةُ اللَّهِ وَالنُّورُ الْمُبِينُ وَالشَّفَاءُ النَّافِعُ، عَصِيمَةٌ لِمَنْ تَمْسَكَ بِهِ، وَنَجَاهَةٌ لِمَنْ اتَّبَعَهُ، لَا يَزِيغُ فِي سَعْيِهِ، لَا يَعُوجُ فِي قَوْمٍ، وَلَا تَنْقُضِي عَجَائِبُهُ، وَلَا يَنْحِلُّ مِنْ كَثْرَةِ الرَّدِّ. اتَّلُوهُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْجُرُكُمْ عَلَى تَلَوُّتِهِ كُلَّ حَرْفٍ عَشَرٍ حَسَنَاتٍ، أَمَا إِنِّي لَا أَقُولُ لَكُمْ الْمَحْرُفَ، وَلَكُمُ الْفَ وَلَمْ وَمِيمٌ).

Al-Quran ini ialah hidangan Allah. Maka hendaklah kamu menghadapi hidangan itu sekadar yang kamu mampu. Al-Quran ini tali Allah, cahaya yang terang dan penawar yang berfaedah. Menjadi pengawal kepada mereka yang berpegang dengannya, melepaskan mereka yang

mengikutnya. Ia membetulkan sebarang penyelewengan. Ia membetulkan sebarang perkara yang tidak betul. Keajaibannya tidak putus-putus. Bacalah Al-Quran kerana akan diberi ganjaran atas bacaannya, setiap huruf sepuluh kebaikan. Tidaklah ALIF LAM MIM itu satu huruf!

Ketiga: Muraqabah Allah.

Muraqabah (kawalan) Allah boleh memelihara pemuda Islam dari tergelincir malah memelihara mereka dari fitnah dan sentiasa hati mereka mendapat pertunjuk Allah dan bukannya dipandu oleh hawa nafsu. Oleh itu pemuda Islam hendaklah mengetahui tiga perkara:

- * Perkara yang jelas kebaikannya hendaklah diikuti. perkara yang terang keburukannya hendaklah dijauhi.
- * Perkara yang syubhat hendaklah ditanyakannya.

Muraqabah Allah Taala bertambah kukuh dan mendalam dalam jiwa pemuda Islam bersama tingkatnya rasa dekat (Qurb) dengan Allah. Firman Allah swt:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَعَلِمَ مَا تُوَسِّعُ بِهِ نَفْسُهُ وَخَنَقَ قُرْبَةً إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ﴿١﴾

16. Dan Sesungguhnya kami Telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya,

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِنْ خَجُولٍ ثَلَاثَةٌ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٌ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرُ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّهُمْ بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧﴾

“Tidak ada satupun dari bisikan tiga orang, melainkan Ia yang ke empatnya, dan tidak lima orang melainkan Ia yang ke enamnya, dan tidak kurang dari itu dan tidak lebih, melainkan Ia bersama mereka di mana sahaja mereka berada, kemudian Dia akan beritahu kepada mereka pada hari kiamat apa-apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah mengetahui tiap-tiap sesuatu.” S 58.7

أَمْ تَحْسِبُونَا لَا نَسْمَعُ سَرَّهُمْ وَخَوْفُهُمْ بَلَى وَرُسُلُنَا لَدَهُمْ يَكْبُونَ ﴿٨﴾

80. Apakah mereka mengira, bahwa kami tidak mendengar rahasia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar), dan utusan-utusan (Malaikat-malaikat) kami selalu mencatat di sisi mereka.

Keempat: Mujahadah An-Nafs.

Dalam skop persediaan kejiwaan, pemuda Islam akan mendapati pergolakan dalam dirinya; nafs-ammarah-bi-su (nafsu jahat). Kalau tidak dikekang dengan taqwa sebagaimana perintah Allah dalam kitabnya:

وَأَمَّا مَنْ حَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى ﴿٩﴾ فَإِنَّ لَجَّةَهُ هِيَ الْمَأْوَى ﴿١٠﴾

Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Allah dan menahan diri mereka dari keinginan hawa nafsunya. Maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggalnya".S 79.40-41

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّنَهَا فَأَهْمَهَا جُحُورُهَا وَتَقَوَّنَهَا ﴿١﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا ﴿٢﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿٣﴾

“Dan jiwa serta penyempurnaannya, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu jalan kefasikan

dan ketakwaan, sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya." S 91.7-10

Oleh itu pemuda Islam mestilah sentiasa berjihad dengan diri mereka menghalang daripada makan, minum, berpakaian, kata-kata, pandangan, pendengaran dan syahwat yang berlebihan.

Memang benarlah sabda Rasulullah saw:

(المجاهد من جاهد نفسه في طاعة الله عز وجل)

'Mujahid ialah mereka yang bersungguh-sungguh berjihad pada mentaati Allah'

Ringkasnya, bahawa pemuda Islam diajak ke arah melakukan TAGHYIR ISLAMI (Perubahan secara Islam) dalam dirinya sebelum ia diajak ke arah mengubah masyarakatnya. Benarlah pula kata-kata Ali Bin Abi Talib bila ia mengatakan:

(من نصب نفسه للناس اماماً فليبدأ بتعلم نفسه قبل تعلم غيره، ولكن تهذيبه بسيرته قبل تهذيبه بلسانه، ومعلم نفسه ومهذبها احق بالجلال من معلم الناس ومهذبهم).

'Sesiapa yang dilantik menjadi pemimpin manusia, hendaklah ia mula dengan mengajar dirinya sendiri sebelum mengajar orang lain. Hendaklah ia mengajar dengan cara perjalanan hidup sebelum mengajar dengan lidah. Orang yang dapat mengajar dan melatih diri sendiri itu lebih layak dihormati dari mereka yang mengajar orang ramai.'

Mereka yang sebenarnya mencapai kemenangan hakiki dalam medan perjuangan TAGHYIR ialah mereka yang mendapat keuntungan diri mereka walaupun pada lahirnya mereka rugi di dunia. Orang yang mendapat kerugian hakiki ialah mereka yang kalah dalam diri mereka walaupun mereka lahirnya mendapat keuntungan dunia.

Persediaan haraki:

Apa yang kita maksudkan ialah penyediaan pemuda Islam dan latihannya dengan apa yang berhubung dengan sudut harakah secara Islam, serta apa-apa yang berhubung dengan persekitaran dakwah, penyusunan (tarkib) serta masalahnya. Iaitu dengan mengkaji secara lebih baik melalui jalan-jalan ilmiah moden yang boleh kita pegang.

Persediaan haraki ini lebih merupakan latihan (munawarah) yang dilakukan oleh tentera-tentera dalam ujian ketenteraannya sebelum memasuki medan pertempuran yang sebenar. Tentera tanpa latihan sedemikian sudah pasti akan menerima kekalahan.

Medan amal Islami, pada hakikatnya adalah medan peperangan dan jihad walaupun lain bentuk persenjataannya. Pemuda dalam medan dakwah adalah sebagai perajurit di medan perang. Semestinya mereka dilatih secara praktikal apa yang mereka pelajari sebelum turun ke medan cabaran yang lebih besar dan medan pertentangan hakiki.

Berapa ramai pakar profesional dibanyak bidang ilmu pengetahuan yang ilmu mereka terkurung dalam tempurung kepala mereka dan sedikit sangat manfaat yang boleh didapati. Itu adalah natijah dri pada kurangnya dalam bentuk amali.

Antara perkara yang hendak dijelaskan dalam persediaan haraki ini ialah: Mengkaji realiti harakah Islam, mengkaji realiti harakah jahiliyah mengkaji persekitaran dan masyarakat, mengkaji pusat sosial, ekonomi, politik yang menjadi cita-cita massa, mengkaji ilmu sains percubaan dan akhirnya melatih perkara berikut:

- Melatih mereka mentaati dan beribadat kepada Allah: iaitu sembahyang berjemaah, puasa bersama, haji bersama, menghadiri majlis-majlis ilmu, zikir,

mengingati mati serta mengikuti sunnah dan memperkuuh hubungan dengan kitab Allah baik di segi bacaan, hafalan, tafsiran dan iltizam dengan sunnah Rasulullah dan sunnah khulafa' Rasyidun.

- Melatih mereka dengan uslub (gaya) dakwah seperti Uslub Taujih dan Irsyad (pengarahan dan pengajaran), uslub perbincangan secara objektif dan Uslub Targhib (penggalakan) dan Tarhib (amaran) juga uslub penceritaan.
- Melatih mereka dalam soal tanzim (organisasi), perencanaan, pentadbiran, kepimpinan dan segala tanggungjawab (Masuliah).
- Melatih mereka menanggung kesusahan, menemui kepayahan dan menghadapi bahaya untuk memperkuatkan kecekalan mereka, kesabaran, dan mengentalkan kemahuan mereka sehingga tidak terjadi seperti kata maksud syair:

Hembusan bayu melukakan pipi,

Sentuhan sutera melukakan jari.

Akhir kata, peranan pemuda Islam hari ini ialah suatu peranan dan tanggungjawab yang berat, jalannya penuh dengan onak. Tanggungjawab mendirikan Islam dalam realiti kehidupan manusia hari ini memerlukan kepada generasi Al-Quran yang baru mengikut generasi Al-Quran pertama. Pada hari itu barulah orang-orang mukmin akan bergembira dengan pertolongan Allah